



**TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN
PEGAWAI AWAM (PPPANS 2008)
KELAKUAN DAN TATATERTIB
AKU JANJI**

Rosli Abas
Penolong Setiausaha Bahagian Tatatertib
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

Tuan Yang Terutama
Yang Di-Pertua Negeri

Suruhanjaya Perkhidmatan
Awam Negeri Sabah

Dewan Undangan Negeri

Kabinet Negeri

1. Jabatan Ketua Menteri
2. Kementerian Kewangan Negeri
3. Kementerian Pembangunan Luar Bandar
4. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar
5. Kementerian Belia dan Sukan
6. Kementerian Pembangunan Infrastruktur
7. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian
8. Kementerian Und-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri
9. Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat
10. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
11. Kementerian Pelajaran dan Inovasi
12. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

STRUKTUR KERAJAAN NEGERI SABAH



STRUKTUR ORGANISASI SPANS

PENGERUSI

Datuk K.Y. Mustafa

TIMBALAN PENERUSI

Datuk Godfrey @
Gregory Jitol

AHLI

Datuk Haji Mohd
Hanan bin Ramli

AHLI

Datuk Dr. Yeo
Boon Kiat

AHLI

Datuk Abu Bakar
bin Haji Abdul
Latif

AHLI

Datuk Noni binti
Mohd Said

AHLI

Tuan Haji Harun
Marie, JP

AHLI

Tuan Elmin
Mohd. Kassim

AHLI

Tuan Ariffin Gadait

SETIAUSAHA

Puan Siti Afsah
Mohd. Kudi

TIM. SETIAUSAHA 1

Puan Rusnah
Kuyung

TIM. SETIAUSAHA 2

Encik Rusdi Belun

PSU BAHAGIAN
PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN

Puan Nurul Harlijah
Hj. Osman

PSU BAHAGIAN
KENAIKAN
PANGKAT DAN
PEMANGKUAN

Puan Norhaida
Matnoor

PSU BAHAGIAN
PENGAMBILAN DAN
PELANTIKAN

Encik Malai Fahmi
Azfar Malai
Mustapha

PSU BAHAGIAN
PENGESAHAN
JAWATAN

Puan Suriana Wan
Sallehuddin

PSU BAHAGIAN
KOPRAT

Puan Clarie Jeseus

PSU BAHAGIAN
TATATERTIB

Encik Rosli Abas

FUNGSI SPANS

Di bawah Perkara 37(1), Perlembagaan Negeri Sabah adalah menjadi tugas Suruhanjaya untuk **melantik**, **mengesahkan**, **memasukkan ke dalam perjawatan tetap** atau **perjawatan berpencen**, **menaikkan pangkat**, **menukarkan** dan **menjalankan kawalan tatatertib** ke atas anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

SUMBER KUASA SPANS

- ⇒ PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
- ⇒ PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH
- ⇒ AKTA ACARA KEWANGAN 1957 (Seksyen 18 – S.21)
- ⇒ **PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH (PPPANS) 2008**
- ⇒ ARAHAN PERBENDAHARAAN (Seksyen 323 – S.327)
- ⇒ PEKELILING-PEKELILING PERKHIDMATAN
- ⇒ SKIM-SKIM PERKHIDMATAN



**“Kerbau diikat dengan tali
Manusia diikat dengan janji”**

JANJI

**# Pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu
(*Kamus Dewan*)**

**# Janji adalah sebuah ikrar antara dua pihak atau lebih yang mengikat serta wajar diikuti
(*Wikipedia*)**

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2002 PENGUATKUASAAN SURAT AKU JANJI UNTUK PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH



Peraturan 22(1)(c)

“calon itu **hendaklah** menandatangani surat aku janji sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama”

Peraturan 206 (1)

Mereka yang tidak **menandatangani** surat aku janji boleh dikenakan tindakan tatatertib

Peraturan 206 (2)

Mereka yang tidak **mematuhi** surat aku janji boleh dikenakan tindakan tatatertib

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 22(1)(c)]

SURAT AKU JANJI

Saya No. Kad Pengenalan beralamat di dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi segala Peraturan-Peraturan yang telah dibuat di bawah Perlembagaan Negeri Sabah, pekeliling dan surai pekeliling serta peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji bahawa saya –

- (i) akan mematuhi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertua Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Negara;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bertanggung-sungguh, cekap dan jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- (iii) tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas awam saya;
- (v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang menasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi saya sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam;
- (vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri;
- (vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (viii) tidak akan membawa atau cuba membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau tuntutan pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
- (ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tanzehib mengikut Bahagian V Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

Tandatangan Pegawai :

Jawatan Pegawai :

Di hadapan saya,

.....
Tandatangan Ketua Jabatan

Nama Ketua Jabatan :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cap Rasmi Jabatan :

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

1. Akan Sentiasa Taat Setia Kepada Yang di-Pertuan Agong, Yang DiPertua Negeri, Negara Dan Kerajaan

Contoh Pelanggaran:

- i. bersubahat dengan musuh negara;
- ii. berlakon dalam filem yang memburukkan negara.
- iii. memburuk serta memperkecilkan dasar dan tindakan Kerajaan;
- iv. membocorkan rahsia Kerajaan;

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

2. Akan Sentiasa Melaksanakan Tugas Dengan Cermat, Bersungguh-sungguh, Cekap, Jujur, Amanah Dan Bertanggungjawab

Contoh Pelanggaran:

- i. Kurang cekap atau kurang berusaha;
- ii. Tidak jujur atau tidak amanah;
- iii. Tidak bertanggungjawab;

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

3. Tidak Akan Membelakangkan Tugas Awam Demi Kepentingan Peribadi

Contoh Pelanggaran:

- i. menguruskan perniagaan dalam waktu pejabat;
- ii. mengutamakan saudara-mara, rakan-rakan semasa menimbangkan sesuatu permohonan;
- iii. menguruskan tender/sebut harga sedangkan pegawai tahu yang mengemukakan tender/sebut harga terdiri daripada saudara-maranya;

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

4. Tidak Akan Berkelakuan Dengan Cara Yang Mungkin Menyebabkan Kepentingan Peribadi Bercanggah Dengan Tugas Awam

Contoh Pelanggaran:

- i. tidak mengelakkan dirinya daripada bergaul terlalu rapat dengan mereka yang jelas akan mendapat keuntungan daripada tugas rasminya;
- ii. tidak mengelak diri daripada menerima hadiah yang berharga daripada syarikat, ahli perniagaan atau individu;
- iii. memproses, menimbang atau meluluskan sesuatu permohonan daripada ahli keluarganya

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

5. Tidak Akan Menggunakan Kedudukan Sebagai Pegawai Awam Bagi Faedah Diri Sendiri

Contoh Pelanggaran:

- i. menggunakan kenderaan jabatan sebagai kemudahan peribadi kecuali yang diperuntukkan kereta khas di bawah Pekeliling Bil.2/89
- ii. menggunakan pengaruh kedudukannya untuk mengubah lot tanah yang telah diluluskan kepada isterinya sedangkan pegawai tidak diberi kuasa berbuat demikian;

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

6. Tidak Akan Berkelakuan Dengan Cara Yang Boleh Menimbulkan Syak Yang Munasabah Bahawa Pegawai Telah Membiarkan Kepentingan Peribadinya Bercanggah Dengan Tugas Rasmi Sehingga Menjejaskan Kegunaannya Sebagai Pegawai Awam

Contoh Pelanggaran:

- i. tidak mengambil tindakan terhadap seseorang yang telah melanggar sesuatu peraturan dengan tujuan mendapat ganjaran daripadanya;
- ii. berhutang dengan mereka yang berurusan dengan organisasi

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

7. Tidak Akan Berkelakuan Dengan Cara Yang Boleh Memburuk Dan Mencemarkan Nama Perkhidmatan Awam

Contoh Pelanggaran:

- i. terlibat dalam penyalahgunaan dadah;
- ii. disabitkan atas kesalahan jenayah / mahkamah syariah;
- iii. berada dalam keterhutangan kewangan yang serius;
- iv. sengaja melengahkan kelulusan permohonan lesen daripada orang ramai;
- v. bersikap kurang sopan seperti mabuk atau memarahi dan memaki orang ramai yang berurusan di kaunter.

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

8. Tidak Akan Membawa Sebarang Bentuk Pengaruh Atau Tekanan Luar Untuk Menyokong Atau Memajukan Tuntutan Diri Sendiri Atau Pegawai Lain Berhubung Dengan Perkhidmatan Awam

Contoh Pelanggaran:

- i. meminta orang kenamaan untuk menggunakan jasa baiknya mempengaruhi Lembaga Kenaikan Pangkat bagi menaikkan pangkatnya;
- ii. meminta bantuan ahli politik untuk menyokong permohonannya bagi mendapatkan tanah Kerajaan, rumah atau jawatan;

PENJELASAN KEPADA SURAT AKU JANJI

9. Tidak Ingkar Perintah Atau Berkelakuan Dengan Cara Yang Boleh Ditafsirkan Sebagai Ingkar Perintah

Contoh Pelanggaran:

- i. membantah atau melawan pegawai atasan;
- ii. membawa keluar fail terperingkat jabatan tanpa kebenaran ketua jabatan;
- iii. keluar negara atas urusan persendirian tanpa kebenaran ketua jabatan atau Setiausaha Kerajaan Negeri jika ia seorang ketua jabatan;
- iv. mengambil bahagian aktif dalam politik;

TERIMA KASIH

“Penuhilah janji, sesungguhnya setiap janji pasti akan dimintai pertanggung-jawabannya”

**“Janji adalah hutang. Hutang harus dibayar.
Penuhi janjimu sebelum ditagih Yang Maha Kuasa”
(kinggalang)**